



## KENYATAAN MEDIA

7 Februari 2016

### **UniMAP Jalin Kerjasama bersama STIE -Harapan**

Medan, 7 Februari: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menandatangani surat hasrat (LOI) bersama Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Harapan (STIE-Harapan) Medan dalam usaha untuk mengukuhkan jaringan antara UniMAP dengan Institusi Pengajian di Indonesia.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berkata, ia merupakan antara inisiatif yang dilakukan UniMAP bagi merealisasikan jaringan kerjasama antarabangsa antara UniMAP dan STIE Harapan di masa hadapan.

“Saya percaya dengan terjalannya kerjasama ini, ia akan membuka jalan untuk kita bergerak ke peringkat seterusnya iaitu untuk menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi merealisasikan kerjasama pendidikan kedua-dua pihak.

“Kerjasama sebegini cukup baik kerana akan memudahkan pelaksanaan terhadap perancangan yang dilakukan,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangi LOI di sini, baharu-baharu ini.

UniMAP diwakili oleh Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin manakala STIE Harapan Medan, diwakili Ketuanya H.Kersna Minan.

Hadir sama menyaksikan majlis tersebut, Koordinator KOPERTIS Wilayah 1, Sumatera Utara, Prof. Drs. Dian Armanto dan Ketua Harian Yayasan Pendidikan HARAPAN Medan, Dr. Tapi Rondang Ni Bulan.

Ujar Datuk Kamarudin lagi, kepakaran yang dimiliki UniMAP harus disebarluaskan agar kelebihan yang ada dapat menjadi pendorong kepada institut pengajian tinggi lain untuk terus mencipta kejayaan.

"Saya percaya dengan adanya kerjasama ini, kita akan dapat mengadakan pelbagai bentuk program antaranya pengajuran seminar antarabangsa dan program pertukaran pelajar," katanya lagi.

Terdahulu, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin telah dijemput untuk menyampaikan ucapan umum kepada lebih 300 pensyarah dan pelajar sekolah tersebut.

Antara yang turut serta dalam lawatan kerja delegasi UniMAP ke Medan dan Aceh adalah Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Professor Madya Dr. Rizalafande Che Ismail dan Ketua Pustakawan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP, Mazmin Mat Akhir.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Mohd Khairul Effendi Bin Che Wan ([khairuleffendi@unimap.edu.my](mailto:khairuleffendi@unimap.edu.my))**

Penolong Pegawai Tadbir

Unit Komunikasi Korporat UniMAP